

Headline	Penubuhan FRIM Inc diluluskan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	567 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,906
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,718



Penubuhan FRIM Inc diluluskan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan telah meluluskan penubuhan FRIM Inc. bagi memajukan dan membangunkan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata dengan kelulusan yang diperoleh 4 Ogos lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat menjana pendapatan sendiri melalui pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan yang dijalankannya.

Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan, katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Raya Korban Perdana kementerian itu di Masjid Jamek FRIM di sini semalam.

Pada 7 April tahun lepas, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang FRIM 2016 yang antara lain membenarkan institut itu menubuhkan atau memajukan syarikat untuk memperkukuhkannya menjadi satu badan pihak berkuasa bagi mengkomersilkan dan mengurus program atau projek berkaitan bidang penyelidikan hutan.

Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mahmud berkata kira-kira 150 produk berpotensi akan dikomersilkan pada peringkat awal.

Beliau berkata 15 produk terbaik disasarkan berada di pasaran tahun depan dengan jangkakan pendapatan antara RM150 juta dan RM200 juta selepas tiga tahun di pasaran.

"Kita tubuhkan pasukan khas bagi membantu memastikan

produk-produk ini berjaya dipasarkan dan menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata antara produk berpotensi ialah perabot daripada hasil hutan, terutamanya yang diusahakan pengusaha Bumiputera. - Bernama



KERJASAMA ... Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (kanan) ketika memotong daging korban di Masjid Jamek Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong semalam.- Foto BERNAMA

Headline	Penubuhan FRIM Inc diluluskan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	567 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,906
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,718



DAGING KORBAN ... Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (empat, kanan) mengagihkan daging korban di Masjid Jamek Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong semalam. Turut hadir Timbalannya Datuk Ir Dr Hamim Samuri (tiga, kanan).- Foto BERNAMA